

Perang Palestin-Israel

Syor perbincangan konflik disertai negara bukan Islam

Malaysia terus komited zahir sokongan henti segera kekejaman Zionis

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Pemimpin negara Islam akan mengadakan pertemuan dalam masa terdekat bagi membincangkan konflik di Palestin yang sudah mengorbankan lebih 10,000 orang, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak sejak sebulan lalu.

Malah, Malaysia mencadangkan pertemuan itu turut disertai pemimpin negara bukan Islam yang berpendirian sama dengan negara Islam.

Bercakap di sini, semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia sudah menghubungi pemimpin dunia Arab, termasuk Turkiye, malah Iran untuk mengadakan perbincangan berkaitan konflik kemanusiaan di Palestin.

"Saya turut mengusulkan supaya pertemuan itu tidak dihadkan hanya kepada pemimpin negara Islam, sebaliknya dibuka kepada negara lain seperti Brazil, Ireland, Russia dan China.

"Saya (pada) mulanya mengusulkan jangan hanya dalam kalangan pemimpin negara Islam kerana Brazil, Ireland, Russia dan China itu mempunyai pendekatan lunak, pendirian untuk mempertahankan hak kemanusiaan.

"Tetapi apabila berbincang dengan pemimpin (ini), belum ada konsensus (untuk) membawa negara luar Islam.

"Jadi keputusan sekarang ini, yang bincang dengan Putera Mohammad bin Salman (Putera Mahkota Arab Saudi) dan Presiden Turkiye (Recep Tayyip Er-



Perdana Menteri hadir majlis perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

dogan), ialah adakan (pertemuan dalam) tempoh segera, mungkin sehari dua ditetapkan beberapa tarikh mempertemukan pemimpin Islam.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Perjumpaan Perdana Menteri bersama Warga Jabatan Perdana Menteri, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali.

Tarik perhatian dunia

Anwar berkata, konflik di Palestin khususnya Gaza semakin mendapat perhatian masyarakat dunia terutama di Barat kerana belum pernah isu berkenaan dibahas secara terbuka.

"Perhimpunan dan tunjuk perasaan ini besar sekali di Eropah," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte dan Perdana Menteri Jepun, Fumio Kishida yang bertemunya baru-baru ini turut mendukung supaya serangan di Palestin dihentikan.

"Dia (Rutte) ada maklum dua

pertiga (rakyat Belanda) simpati kepada Palestin dan saya juga sudah minta (kepada Rutte supaya) disampaikan pandangan Malaysia kepada pemimpin negara Eropah," katanya.

Anwar menjelaskan, dalam pertemuannya dengan kedua-dua pemimpin itu, Malaysia menzahirkan pendirian tegasnya dalam isu Palestin.

"(Malaysia minta) pertama, cari penyelesaian segera. Hentikan serangan dan pembunuhan anak-anak, wanita dan rakyat. Kedua, bantuan makanan dan perubatan.

"Ketiga, penyelesaian masalah Palestin secara menyeluruh dan ini yang kita lakukan dalam setiap pertemuan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, hubungan baik antara Malaysia dan Mesir membolehkan bantuan kemanusiaan negara ini dihantar dengan segera kepada rakyat Palestin.

Katanya, Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi, mengotakan janjinya untuk mempermudah urusan bantuan kemanusiaan daripada Malaysia.

"Alhamdulillah, dia pegang kepada janji. Malaysia dan pesawat kita sampai antara paling cepat, diberi layanan dan dapat sebarang sempadan (dengan mu-

dah)," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terus berperanan memastikan keperluan bantuan kemanusiaan sampai dengan segera di Gaza, khususnya makanan dan perubatan.

Sabtu lalu, Pesawat 9M-WCA yang membawa kira-kira 20 tan barangan bantuan kemanusiaan dari Malaysia menerusi OPS Ihsan tiba di Lapangan Terbang Al-Trish, Mesir jam 8.25 pagi waktu tempatan.

Dalam pada itu, Anwar turut mengingatkan semua pihak tidak mengambil kesempatan dengan mempolitikkan isu Palestin demi meraih dan memenuhi kepentingan pihak tertentu.

"Ini soal Palestin, negara sudah ambil beberapa tindakan. Saya tidak fikir wajar untuk mempolitikkan, mencerca, maki hamun. Rumah, kawasan mereka sudah hancur. Usahlah kejadian ini jadi isu politik.

"Jangan sesekali membina mahligai atas pusara. Ini ingatan kepada semua, buat kerja, cari derma, cari bantuan. Saya harap perkara ini difahami. Mungkin ada segelintir kecil saja, tapi orang ini kerjanya sangat menyekatkan," katanya.